

04 MAY 1996

DR MAHATHIR Pengerusi Mesyuarat MT UMNO

KUALA LUMPUR, 4 Mei (Bernama) -- Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pagi ini mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Mesyuarat bermula 10.10 pagi dan turut dihadiri oleh Timbalan Presiden Datuk Seri Anwar Ibrahim, ketiga-tiga Naib Presiden dan ketua-ketua Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno.

Antara perkara yang dijangka dibangkitkan pada mesyuarat itu ialah perkembangan politik di Kelantan ekoran cadangan kerajaan negeri pimpinan PAS untuk meminda perlembagaan negeri itu bagi menghadkan kuasa raja.

Perletakan jawatan Datuk Salleh Said Keruak yang dibuat mengikut sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah juga dijangka dibincangkan.

Mesyuarat juga dijangka membincangkan persiapan bagi sambutan ulang tahun ke-50 Umno pada 11 Mei. -- BERNAMA

ARA NMO